

PUSAT Kemudahan Pelajar Universiti Sains Islam Malaysia (Usim) bukan saja tempat mahasiswa bertandang menjamu selera di gerai makanan atau mengeluarkan wang menerusi mesin teller automatik, malah menjadi 'lubuk rezeki' bagi sesetengah mahasiswa mencari wang saku menerusi perniagaan yang diusahakan di sudut Pusat Keusahawanan Siswa.

Setiap Isnin hingga Jumaat, mulai jam 10 pagi hingga 5 petang, usahawan muda universiti itu gigih menjalankan perniagaan mereka di deretan 10 lot kedai yang dikhususkan universiti untuk mahasiswa.

Berkat Itqan Enterprise, Simple Dot Com, Jiddiyah Enterprise, Technozone Enterprise dan Khubza Enterprise antara kedai pelajar yang memeriahkan pusat itu.

Pelbagai barangan dan perkhidmatan yang memenuhi keperluan dan cita rasa pelbagai ditawarkan seperti makanan dan minuman, pakaian, kad prabayar dan tambah nilai, minyak wangi, fotostat serta mencetak tugas.

Justeru, tidak hairan nilai jualan kedai diusahakan

pelajar Usim itu mencapai RM200 hingga RM3,000 sehari.

Pelajar tahun akhir Pengajian al-Quran dan Multimedia, Umi Kalhsum Mohd, 24, antara yang paling berjaya menjalankan perniagaan di pusat itu hingga meraih Anugerah Usahawan Harapan kerana mencatat jualan RM15,000 tahun lalu.

Menamakan kedainya, UK de Vogue, Umi Kalhsum menjual busana Muslimah pada harga istimewa seperti jubah RM60 hingga RM75, blaus dan t-shirt labuh (RM32-RM35) serta tudung (RM20).

Bagi memastikan kedainya tetap beroperasi ketika beliau menghadiri kuliah pada waktu pagi, Umi Kalhsum, mendapatkan bantuan rakan sekuliah dan pelajar junior yang mempunyai kelapangan untuk menjaga kedainya. Mereka diberi upah RM3 sejam.

Cuti hujung minggu, pula, katanya, dimanfaatkan untuk ke Jalan Hang Tuah, Kuala Lumpur bagi mengambil stok pakaian untuk dijual di kedainya.

"Alhamdulillah, sambutan pelajar terhadap perniagaan saya amat baik, terutama menjelang musim perayaan hingga pernah mencatat jualan RM3,000 sehari.

"Berkat rezeki perniagaan kecil-kecilan ini membolehkan



DERETAN kedai pelajar Usim di Pusat Kemudahan Pelajar sentiasa dikunjungi pelanggan

Lubuk rezeki

Pelajar Usim giat berniaga tingkat pengalaman

kan saya mengumpul wang pendahuluan untuk membeli kereta Perodua Viva tahun lalu bagi memudahkan saya menghadiri kuliah dan

mengambil stok di KL.

"Sebelum ada kereta, setiap Sabtu, saya menaiki komuter untuk mengambil stok di KL dengan bantuan rakan," katanya.

Sementara itu, empat pelajar tahun akhir Pengajian al-Quran & Sunnah bekerjasama menguruskan Anaz Salam Resources yang menawarkan perkhidmatan fotostat, menjilid, internet dan mencetak.

Salah seorang rakan kongsinya, Rahmat Ramdan, 24, berkata syarikat itu ditubuhkan bukan saja bagi menambah wang perbelanjaan, malah bertujuan berbakti memudahkan pelajar Usim menjalani pengajian mereka.

Katanya, kebanyakan pelajar mengunjungi kedai mereka bagi mendapatkan perkhidmatan fotostat dan mencetak tugas.

"Walaupun mengusahakan

kedai ini, pengajian kami tidak terganggu kerana jadual diatur bagi membolehkan kami bergilir-gilir menjaga kedai selepas ia ditutup jam 5 petang kami masih sempat bersukan.

"Purata jualan adalah RM500 hingga RM800 sehari dan sewa perlu dibayar

kepada universiti RM100 sebulan, selain bil utiliti RM50 sebulan.

"Dengan itu, kami dapat meraih keuntungan untuk dikongsi bersama selain belajar berniaga secara kecil-kecilan bagi mengasah bakat keusahawanan untuk bekal masa depan," katanya.

“Alhamdulillah, sambutan pelajar terhadap perniagaan saya amat baik, terutama menjelang musim perayaan hingga pernah mencatat jualan RM3,000 sehari”



Umi Kalhsum Mohd
Pelajar



KEDAI buku dan alat tulis di pusat perniagaan Usim menyediakan bahan keperluan pelajar